

KEMPENBANK RAKYAT X TOUCH 'N GO NFC CHALLENGE

TERMA DAN SYARAT

A. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN & MEKANISME KEMPEN

1. Kempen ini dianjurkan oleh sektor Bank Rakyat melalui sektor Digital (Penganjur)
2. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan dan wargakerja Bank Rakyat (Peserta).
3. Peserta perlu menjadi pengguna berdaftar Perbankan Mudah Alih (*mobile banking*) iRakyat dan mendaftar DuitNow bersama Bank Rakyat untuk layak menyertai kempen ini.
4. Peserta perlu simpan nombor akaun *Touch 'N' Go e-Wallet* mereka sebagai tetapan akaun Kegemaran (Favourite account) untuk transaksi pindahan wang DuitNow di iRakyat.
5. Peserta perlu melaksanakan transaksi DuitNow (Pay -to-Account) ke akaun *Touch 'N' Go e-Wallet* yang telah ditetapkan sebagai akaun Kegemaran (Favourite account) dengan jumlah minimum sebanyak RM100.
6. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta: -
 - a. Tertakluk kepada terma dan syarat penggunaan sedia ada perbankan internet (laman web iRakyat) dan aplikasi iRakyat "*Mobile Banking*".
Sila rujuk laman web iRakyat :
(<https://www2.irakyat.com.my/personal/welcome/welcome.do?termsConditions=>) untuk maklumat lanjut.
5. Peserta yang berdepan tindakan pembekuan akaun, berstatus mufliis atau disenarai hitam tidak dibenarkan menyertai kempen ini.

B. TEMPOH KEMPEN

1. Tempoh kempen adalah selama satu (1) bulan, bermula dari **1 Mac- 1 April 2023**.
2. Sebarang penyertaan dan juga pendaftaran iRakyat dan DuitNow di Bank Rakyat melebihi tempoh kempen tidak akan dikira sebagai penyertaan.
3. Penganjur boleh menukar atau meminda tempoh kempen sekiranya perlu.

C. HADIAH

1. Kempen ini menawarkan hadiah seperti berikut:

Kad Touch 'N' Go NFC x 50 pemenang

2. Hadiah akan disampaikan selepas tamat tempoh kempen.
3. Hadiah yang diberikan tidak boleh dipindah milik atau dituntut oleh pihak ketiga.

D. PEMILIHAN PEMENANG

1. Pemenang akan dipilih secara rawak menerusi sistem cabutan berkomputer.
2. Setiap Pemenang hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
3. Pemilihan Pemenang adalah muktamad dan semua bentuk rayuan dan bantahan tidak akan dilayan.
4. Pemenang akan dimaklumkan selepas kempen tamat menerusi hebahan dalaman atau lain-lain medium atau cara yang dirasakan sesuai oleh Penganjur.
5. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atau gagal menghubungi kembali Penganjur bagi urusan tuntutan hadiah.
6. Penganjur akan menggunakan maklumat semasa yang terdapat dalam rekod Bank Rakyat untuk tujuan surat menyurat (sekiranya perlu).
7. Penganjur boleh memilih lain-lain individu yang layak dari senarai menunggu / simpanan sekiranya Pemenang yang dipilih tidak memberi kerjasama semasa dihubungi (sekiranya perlu), enggan menerima hadiah, meninggal dunia atau lain-lain alasan munasabah yang membolehkan pihak Penganjur untuk memilih pemenang lain dari senarai menunggu / simpanan.
8. Penganjur boleh membatalkan kemenangan pemenang yang gagal dihubungi / memberi maklum balas untuk tujuan pengesahan (sekiranya perlu) dalam masa **30 hari** selepas pengumuman rasmi pemenang dibuat.

E. LAIN-LAIN

1. Dengan menyertai kempen ini, Peserta bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dilihat di www.bankrakyat.com.my
2. Dengan menyertai kempen ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Penganjur yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
3. Dengan menyertai kempen ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan Bank Rakyat, anak-anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama Peserta dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media sekarang atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.
4. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Penganjur boleh meminda, membatalkan atau menambah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank Rakyat atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan itu hendaklah berkuatkuasa selepas notis dikeluarkan. Peserta adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut.
5. Penganjur mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar Peserta/pemenang untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
6. Penganjur boleh menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, manipulasi dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.
7. **PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PESERTA ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN PESERTA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA,**

DAN SAMA ADA PESERTA TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.

8. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, maklumat atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau mana-mana medium komunikasi.
9. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, endemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
10. Terma dan syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

-TAMAT-